

Penggandaan Kata Majmuk Mantap

Melibatkan penggandaan keseluruhan perkataan. Contoh: *pesuruhjaya-pesuruhjaya, warganegara-warganegara, tandatangan-tandatangan, jawatankuasa-jawatankuasa*

Pengimbuhan Kata Majmuk

- 1 Kata majmuk yang menerima imbuhan awalan atau akhiran sahaja, ejaannya tetap terpisah. Contoh: *campur aduk (bercampur aduk), ambil alih (mengambil alih), daya serap (daya serapan), ulang kaji (mengulang kaji)*
- 2 Kata majmuk yang menerima imbuhan apitan, ejaannya dieja secara bercantum. Contohnya: *campur aduk (mencampuradukkan), ambil alih (pengambilalihan), daya serap (kedayaserapan)*

Praktis 25 Kata Majmuk

(a) Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang paling sesuai berdasarkan gambar.



1 Puan Hanijah sedang rancak berbual dengan rakan-rakannya di _____.

2 Mei Ting gemar membaca _____ untuk mengetahui berita semasa.




3 Rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun sudah layak untuk mengundi semasa _____.

4 Shahir dan rakan-rakannya suka membaca buku di _____ semasa waktu rehat.



5 Kempen _____ sentiasa dilaksanakan oleh pelbagai pihak demi kelestarian alam.

6 Hanif berpeluang mencuba memerah _____ semasa melawat ladang lembu.



(b) Gariskan kata majmuk yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Janganlah suka bersikap iri hati sesama adik-beradik.
- 2 Azura memakai kaca mata kerana dia rabun sejak kecil.
- 3 Sewaktu kebakaran berlaku, tuan rumah itu tiada di rumah.
- 4 Zetty bersyukur kerana orang gajinya rajin bekerja dan jujur pula.
- 5 Puan Tan membeli seutas rantai emas putih untuk anaknya, Mei Lin.
- 6 Lalu lintas pada hari ini agak lengang kerana ramai yang sedang bercuti.
- 7 Solehin terpaksa melakukan kerja sambilan untuk menambah pendapatan.
- 8 Anak-anak perlu dididik sejak kecil agar mereka mempunyai budi bahasa yang tinggi.
- 9 Syarikat Sen Sen terpaksa gulung tikar akibat kegawatan ekonomi yang melanda negara.
- 10 "Tolong tutup bakul sampah itu agar tidak dihurungi lalat," pinta Puan Hani kepada anaknya.